

OKTOBER 2022



CASSIA

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT



Hari **Kesihatan**
Mental Sedunia
& Bulan Kesedaran

KANSER

Payudara
Sedunia

FGV Ambil Bahagian Di Ekspo Global S.I.A.L, Paris



Dalam visi FGV untuk menjadi antara syarikat makanan dan perniagaan tani bersepadu dan mampan terkemuka di dunia, FGV berbangga menjadi sebahagian daripada ekspo global Salon International de l'alimentation (S.I.A.L), Paris.

Penyertaan FGV di bawah reruai kebangsaan anjuran Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dalam ekspo antarabangsa ini, di bawah seliaan Puan Wan Aishah Wan Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif MPOC.

FGV bertuah kerana reruai di Dewan 8 tersebut turut dikunjungi oleh Tuan Yang

Terutama Dato' Mohd Zamruni Khalid, Duta Besar Malaysia ke Perancis.

Ekspo yang berlangsung dari 15 Oktober hingga 19 Oktober ini menjadi sumber rujukan industri makanan global dengan trend dan inovasi yang terkini.

FGV, melalui anak syarikatnya, Delima Oil Products Sdn Bhd mengambil peluang ini untuk mempromosi produk minyak sawit dan lemak kepada pemain industri yang hadir dari serata dunia.

EDITORIAL

PENAUNG

Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor

PENASIHAT

Azmi Yaakop

EDITOR

Isnan Fitri Mohd Azmi

PENGURUS PROJEK

Ili Diyana Amirrudin

PENULIS

Huzaifah Mazlina Mohd Alias

Nur Affifah Baharim

Nurul Eisha Khairul Annuar

Nurul Sakinah Abd Aziz

Fadwa Faieqah Mohamad Ziyad

PEREKA GRAFIK

Mohd Nazzim Kamsaim



TERBITAN

Komunikasi Strategik Kumpulan
FGV Holdings Berhad NO 200701042133
(800165-P)

Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

fgvholdings.com

FGV Bersama PIONEERS Teroka Pasaran Makanan Serta Produk Berasas Pertanian Timur Tengah dan Afrika Utara

Delima Oil Products Sdn Bhd (DOPSB) telah menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) dengan Pioneers Vegetable Oils Industry Co. Ltd (PIONEERS) untuk menempatkan produk makanan dan produk berasaskan pertaniannya dalam pasaran Timur Tengah-Afrika Utara (MENA).

Majlis menandatangani memorandum itu telah diadakan pada minggu lalu, ditandatangani oleh Zulkifli Othman, Pengarah DOPSB dan Ketua Bahagian Hiliran FGV bersama Ahmed Alami, Pengarah Urusan PIONEERS. Majlis itu disaksikan oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, bersama Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi FGV dan Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV.

Kedua-dua pihak akan menjalankan kajian kebolehlaksanaan untuk peluang dalam pasaran minyak dan lemak yang akan membawa faedah timbal balik kepada kedua-dua pihak di rantau MENA.

"Pasaran MENA menunjukkan peningkatan permintaan yang baik disebabkan oleh pertumbuhan populasi kelas pertengahan, tuntutan gaya hidup yang berubah, dan peningkatan umum dalam permintaan untuk produk makanan. FGV berhasrat menawarkan produk pek minyak dan lemak berasaskan sawit dan lemak khas berasaskan laurik di pasaran berkenaan," kata Dato' Mohd Nazrul. Beliau menambah, sejajar dengan visi FGV untuk menjadi salah satu perniagaan tani bersepadu dan mampan terkemuka di dunia, MoC ini

akan membuka jalan kepada FGV untuk mendapat maklumat lanjut mengenai dinamik pasaran dan sikap pengguna dalam pasaran MENA, sekali gus membolehkan FGV memanfaatkan potensi aliran pendapatan luaran.

dan memperkenalkan jenama lain seperti ADELA, SERI PELANGI dan TIGA UDANG. Produk dan jenama DOPSB kini telah bertapak di beberapa pasaran utama seperti ASEAN, Timur Tengah, Asia Barat, Eropah dan Afrika Barat.

PIONEERS ialah anak syarikat Arab Malaysian Vegetable Oil Products Co. Ltd. dan Alami Commodities Sdn. Bhd., syarikat berdaftar yang memiliki kemudahan penapisan, pembungkusan dan pemukalan. Terletak di Yanbu, Arab Saudi, PIONEERS ialah pemain sektor minyak dan lemak bersepadu yang memfokuskan pada penapisan, pemprosesan dan pemukalan minyak sayuran serta fasiliti sokongan seperti Makmal Kualiti dan pusat Penyelidikan & Pembangunan (R&D).

Selepas majlis menandatangani perjanjian itu, Datuk Zuraida melawat DOPSB, diikuti dua lagi kilang iaitu, FGV Kernel Products Sdn Bhd (FGVKP) dan FGV Johor Bulkiers Sdn Bhd (FGVJB) di mana

kesemuanya terletak di Pasir Gudang, Johor.

Perniagaan teras FGVP ialah penghancuran isirung sawit untuk menghasilkan CPKO dan Dedak Isirung Sawit (PKE). Sementara itu, FGVJB adalah pusat sehenti bebas untuk kemudahan penyimpanan dan pengendalian minyak makan, oleokimia, biodiesel, PKE, tempurung isirung sawit (PKS), bijirin dan bahan kimia asas yang diangkut menerusi kapal, truk tangki dan saluran paip.



DOPSB yang diperbadankan pada tahun 2000, merupakan salah satu peneraju produk hiliran Barangan Pengguna Cepat Laris (FMCG) minyak sawit dan lemak dengan fokus pada penapisan, pembuatan produk produk minyak sawit diproses dan pengagihan produk pengguna dan industri. Jenama terkemuka DOPSB adalah minyak masak SAJI yang menguasai 44 peratus perkongsian pasaran tempatan.

Sejak beberapa tahun lalu, DOPSB telah mengembangkan rangkaian produknya di bawah jenama SAJI

FGV Pamer Pelbagai Produk FGV Di SIE 2022



Para pengunjung berpeluang untuk mencuba sampel produk-produk keluaran FGV sepanjang SIE berlangsung.

Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj telah mencemar duli di reruai FGV pada hari pertama SIE berlangsung. Kehadiran Raja Muda Selangor diiringi Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Pada hari kedua pameran berlangsung, Dr Ros Haniza Borhan, Ketua Bahagian Teknologi Makanan FGV telah menyampaikan penerangan ringkas mengenai kebaikan dan kegunaan minyak sawit kepada masyarakat umum.

Selangor International Expo (SIE) telah berlangsung selama empat hari bermula 6 Oktober hingga 9 Oktober 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

FGV menjadi salah satu syarikat yang menyertai ekspo ini, dengan mempamerkan pelbagai produk daripada Delima Oil Products, Gula Prai, Bright Cow dan Ladang'57.

Reruai FGV mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dengan kehadiran kira-kira 500 pengunjung sepanjang empat hari ekspo berlangsung.

FGV Terima Anugerah Pengurusan Risiko MARIM 2022



Tahniah!

FGV telah terpilih sebagai salah satu penerima Anugerah Pengurusan Risiko MARIM 2022 atas Kecemerlangan Daya Tahan ketika pandemik COVID-19 pada 18 Oktober 2022.



Anugerah itu diterima oleh Shaharizan Yunus, Ketua Kesihatan, Keselamatan & Persekitaran Kumpulan FGV.

Ketika kita berusaha bersaing dalam persekitaran perniagaan yang dinamik, FGV terus menilai risiko dan peluang



dalam landskap operasi untuk mencapai strategi perniagaan, dan mengekalkan nilai syarikat untuk jangka panjang.

Perjumpaan Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi FGV 2022



Program ini juga bertujuan untuk merangka hala tuju dan strategi jangka panjang dalam mencapai aspirasi FGV untuk menjadi organisasi agribisnis dan makanan bersepadu yang mampan dan utama di dunia, di samping memberi pulangan terbaik kepada pemegang-pemegang saham.

Perbincangan meja bulat dan pra-penglibatan antara Pengurusan Kanan dan Ahli Lembaga Pengarah bagi draf rancangan strategik perniagaan bagi tahun 2023 hingga tahun 2025 ("BP25") telah berlangsung pada tarikh 25-26 Oktober 2022.

Program yang berlangsung selama dua hari tersebut telah menjadi platform bagi perbincangan secara menyeluruh tentang perancangan pelan perniagaan secara

terperinci di dalam BP25. BP25 akan dibentangkan semula kepada Ahli Lembaga Pengarah pada Disember 2022.

Di antara objektif utama wacana ini adalah memastikan strategi dan hala tuju FGV selaras dengan visi Lembaga Pengarah. Selain itu, ini juga bagi mewujudkan pelan tindakan FGV untuk menangani cabaran dan memenuhi peluang di dalam menambah nilai organisasi pada masa hadapan.



Program Eksplorasi Alam Lestari Siri ke-4 Diteruskan di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) di Kuala Gandah

Program Eksplorasi Alam Lestari siri ke-4 menghimpunkan seramai 100 pelajar sekolah rendah yang terdiri daripada anak-anak Felda SK Felda Tementi, Rentam, Sebertak dan Triang 3 ke Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) di Kuala Gandah, Pahang.

Program ini dihadiri Dr. Latip Muhammad, Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pelajaran Malaysia dan Rosman Rohan, Ketua Jabatan Korporat FGV Plantations Malaysia Sdn Bhd.

Objektif program ini adalah untuk memberikan kesedaran dan pemahaman berkaitan kelestarian alam sekitar kepada murid-murid sekolah di samping membina karakter insan dan jati diri kanak-kanak ke arah pembentukan warganegara yang bertanggungjawab, cakna dan bersifat penyayang sesama makhluk ciptaan Tuhan.

Sebagai sebuah syarikat agribisnis dan



pengeluar makanan, FGV komited terhadap pembangunan yang lestari, terutamanya dalam semua perkara yang berkaitan dengan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Program kolaborasi bersama FGV dan

Yayasan Didik Negara (YDN) ini memenuhi aspirasi Kelestarian Alam Negara dan akan diteruskan ke sekolah-sekolah Felda terpilih di negeri-negeri yang lain pula pada masa akan datang.

MSM Agih Bubur Lambuk Kepada Petugas MSM, Petugas Kontrak Serta Penduduk Sekitar Di Tanjung Langsat Sempena Maulidur Rasul

Pada 21 Oktober, Kelab Sukan dan Rekreasi MSM Sugar Refinery Johor Sdn Bhd (MSM Johor) telah mengagihkan sebanyak 468 bekas bubur lambuk kepada semua petugas MSM Johor termasuk petugas kontrak dan penduduk sekitar kampung Tanjung Langsat dan Kampung Perigi Acheh.

Sumbangan bubur lambuk ini diagihkan bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul 1444H/2022.

Semoga ukhwah dan hubungan baik

antara petugas MSM Johor dan penduduk sekitar terjalin erat menepati tema Maulidur Rasul 1444H/2022 - Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran.



MSM Terima Anugerah Gangsa - Excellence in Digital Transformation, HR Excellence Awards 2022



Di MSM, meningkatkan pengalaman modal insan di tempat kerja adalah keutamaan yang telah dilaburkan secara konsisten.



MSM Malaysia Holdings Berhad telah memenangi Gangsa - Excellence in Digital Transformation dalam HR Excellence Awards 2022 anjuran

Human Resources Online. Anugerah tersebut wujud pada 2012 bagi menyediakan platform inkubator untuk pasukan HR mempamerkan strategi dan inisiatif HR mereka.

Ini juga merupakan satu-satunya anugerah HR di rantau ini yang 100% disemak oleh juri pengamal HR yang dihormati.

Tahniah kepada MSM Group People and Culture untuk kemenangan ini!

FGV Health & Wellness Day

Setelah dua tahun tiada penganjuran aktiviti yang melibatkan petugas secara beramai-ramai, Jabatan Kesihatan, Keselamatan & Persekitaran (HSE) akhirnya menganjurkan program FGV *Health & Wellness Day* 2022 dengan kerjasama Jabatan Modal Insan Kumpulan dan Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan

Dalam program tersebut, selain aktiviti permainan, HSE juga telah menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti saringan kesihatan, pemeriksaan pergigian dan

payudara secara percuma, urut refleksologi, derma darah, penilaian kesihatan mental, demonstrasi CPR, pameran *First Aid* selain ceramah kesihatan bersempena bulan kesedaran kanser payudara. Terdapat juga reruai jualan seperti pelitup muka, pokok bunga, buah-buahan dan sebagainya.

Semasa program tersebut, kempen Jom Guna Tangga turut dilancarkan oleh Razman Radzi, Ketua Pegawai Modal Insan dan disaksikan oleh beberapa ahli jawatankuasa pengurusan kumpulan.

Kempen ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan tangga oleh petugas sebagai salah satu aktiviti penting dalam penjagaan kesihatan dan kecergasan mereka.

Lebih 200 orang petugas telah menayakan kempen tersebut dengan menaiki anak tangga dari aras 13 hingga 18. Terima kasih di atas sokongan anda dan diharapkan agar aktiviti sihat ini dapat diteruskan.



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Foto Merdeka Hari Malaysia



Tahniah kepada para pemenang Pertandingan Foto Merdeka Hari Malaysia.
FGV...Power!

Hari Sukan Negara 2022

Hari Sukan Negara merupakan hari yang diilhamkan sebagai hari ikonik tahunan kepada rakyat Malaysia. Kebiasaannya pelbagai aktiviti dan acara sukan diadakan dengan penuh meriah.

KSFGV Zon Kuala Lumpur mengambil pendekatan dengan melaksanakan pelbagai program yang berlangsung selama dua hari bermula pada 18 Oktober di Aras 18, Wisma FGV.

Dengan jumlah penyertaan yang memberangsangkan dalam acara karom,



pingpong dan explorace, ia menggambarkan semangat kesukanan yang jitu dalam diri petugas FGV!

Penyertaan petugas FGV dalam aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh KSFGV adalah selaras dengan tujuan kewujudan Dasar Sukan Negara yang antaranya ialah menggalakkan semangat persaingan yang sihat melalui sukan dalam kalangan individu dan kumpulan masyarakat.

Dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti sukan dan riadah di tempat kerja, diharapkan ia dapat mewujudkan keseimbangan kerja dan kehidupan untuk petugas.

Sekalung tahniah diucapkan kepada pemenang-pemenang acara yang dipertandingkan!

Pink Run FGV 2022

Bersempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara Kebangsaan, Kelab Sukan FGV (KSFGV) telah menyokong kempen ini melalui kolaborasi bersama VSure Tech Sdn Bhd & KPJ Healthcare bagi melaksanakan program larian "PINK RUN 2022" sejauh lima kilometer pada Ahad, 23 Oktober. Program yang bermula seawal 7 pagi telah

diadakan di Dataran DBKL, Kuala Lumpur yang disertai seramai 100 orang peserta wanita dari ahli KSFGV dan ahli keluarga.

Program ini turut disertai oleh Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi, Ahli Lembaga Pengarah FGV, Zalily Mohamed Zaman Khan, Ketua Audit Dalaman FGV dan Nor

Marhamah Yahya, Penasihat Undang-Undang FGV. Turut hadir ialah Datin Emilia Rosemawati Uzir, penaung FGV Ladies di bawah Kelab Sukan FGV.

Program diceriakan dengan pelbagai aktiviti seperti Zumba, senaman, pemeriksaan kesihatan dan pelbagai lagi. Kemuncak program adalah sesi cabutan bertuah di mana FGV turut menaja hadiah berupa produk-produk keluaran syarikat. Salah seorang ahli KSFGV telah mendapat tempat pertama dengan membawa pulang sebuah basikal dan ada juga yang mendapat produk-produk tajaan FGV.

Semoga program seperti ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang dan dapat meningkatkan kesedaran mengenai bahaya kanser payudara yang tidak hanya menyerang kaum wanita bahkan ramai juga dalam kalangan lelaki yang turut menjadi mangsa. Mari kita amalkan gaya hidup sihat dan lakukan pemeriksaan berkala bagi mencegah penyakit terutamanya yang melibatkan kanser. Ingatlah, mencegah lebih baik daripada mengubati.





TAHUKAH ANDA

TRIVIA R&D



LALAT ASKAR HITAM (LAH) : DARI BUANGAN KE PRODUK

APA ITU LALAT ASKAR HITAM ?

Lalat askar hitam, *Hermetia illucens* (Diptera : Stratiomyidae)

- Tidak menyebarkan penyakit.
- Serangga berfaedah dan bukan perosak.
- Larva adalah polifag, yang memakan baja, kompos dan sisa organik.
- Berpotensi dalam pengurusan bahan buangan kelapa sawit.

BAGAIMANA MEREKA BERFUNGSI ?



Telur (LAH) diletakkan pada media (bahan buangan)



Larva (LAH) memakan bahan buangan

01

Larva yang telah diasingkan



02

Larva dikeringkan menggunakan mikrowave atau ketuhar pemanas.



03

Larva kering boleh digunakan sebagai makanan ternakan



01

Frass yang telah diasingkan (produk sampingan)



02

Frass digunakan sebagai baja organik kepada sayur-sayuran dan tumbuhan berbunga



Rosli Dijulang Pelabur Terbaik FGV Berkat Kerjasama Berpasukan



“Setiap pagi, kami akan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan rancangan pelaburan pada hari itu, serta isu-isu yang boleh mempengaruhi pasaran sawit.

“Sokongan dan kerjasama ini amat penting dalam kerja harian kami. Selain itu,

Muhamad Rosli menyifatkan tempoh dua tahun di Sharjah sebagai antara pengalaman paling bermakna dan penting dalam hidup dan kerjayanya.

“Semasa dihantar ke Sharjah, saya dapat belajar lebih mendalam mengenai urus niaga minyak sawit sehingga ke proses pembungkusan. “Pasaran Dubai adalah berbeza daripada negara kita. Saya dapat belajar untuk meneliti trend pasaran minyak sawit di Dubai secara terperinci,” katanya.

Berbekalkan pengalaman selama 13 tahun dalam bidang pelaburan di FGV, pengurus kanan FGV Trading (FGVT), Muhamad Rosli Zainuddin berjaya meraih anugerah Pelabur Terbaik 2019.

Enggan mendabik dada, Muhamad Rosli yang mula menyertai FGV kira-kira 17 tahun lalu, percaya kejayaan itu adalah hasil dan sokongan rakan-rakan serta pegawai atasan yang sentiasa memberi galakan.

“Ini antara pengalaman paling manis dalam hidup saya,” kata anak kelahiran Kuala Kangsar, Perak itu.

Muhamad Rosli memulakan kerjayanya bersama FGV pada September 2006 sebagai pegawai operasi, sebelum dilantik sebagai Pelabur Junior dan mula menjalankan urus niaga minyak sawit mentah.

Sepanjang perkhidmatan sebagai pelabur di FGVT, Muhamad Rosli melihat faktor kerjasama berpasukan sebagai perkara paling penting untuk seseorang pelabur mencatat kejayaan dalam tugasnya.

Di FGVT, katanya, kerjasama berpasukan adalah permulaan operasi setiap hari, dengan masing-masing akan membentangkan hasil penyelidikan untuk menggariskan rancangan pelaburan.

kami juga amat bertuah mendapat pegawai atasan yang begitu berdedikasi dan sentiasa memberi sokongan sehingga membentuk saya sebagaimana hari ini,” katanya.

Ditanya mengenai kemahirannya dalam pelaburan, Muhamad Rosli antara lain memaklumkan pendedahan mengenai urus niaga sawit di Dubai kira-kira 12 tahun lalu, banyak membantunya. Ketika itu, beliau ditugaskan di Sharjah, Dubai pada 2010 untuk mempelajari selok-belok urus niaga eksport minyak sawit, sebelum kembali ke Malaysia pada 2012.

Ditanya mengapa memilih untuk kekal bersama FGV selama 17 tahun, Muhamad Rosli percaya kesetiaan dalam pekerjaan dan majikan adalah penting dalam pembangunan kerjaya seseorang.

“Orang yang komited serta kuat berusaha akan mendapat ganjaran yang setimpal.

“Jika kita setia dan rajin berusaha, orang atasan akan dapat melihat kesungguhan kita,” katanya.



Saringan Kesihatan Awal Kunci Cegah Peningkatan Kematian Akibat Kanser

Tahukah anda, kira-kira 49,000 individu disahkan menghidap kanser sepanjang tahun lalu dan dijangka akan meningkat sehingga 66,000 menjelang 2030.

Data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) itu menunjukkan trend penyakit kanser yang semakin buruk dan amat membimbangkan di Malaysia.

Setakat 2018, penyakit kanser menjadi penyebab kematian kedua tertinggi di dunia dan di Malaysia, dengan KKM merekodkan sejumlah 16,000 kematian di Malaysia akibat penyakit berkenaan. Tiga jenis kanser paling kerap dikesan dalam kalangan lelaki Malaysia adalah kanser kolorektal (usus besar) yang merangkumi 16.9 peratus kes, disusuli kanser paru-paru (14.8 peratus) dan kanser prostat (8.1 peratus).

Kanser payudara pula adalah yang paling banyak dikesan dalam kalangan wanita dengan 33.9 peratus kes, diikuti kanser kolorektal (10.7 peratus) dan kanser serviks (6.2 peratus).

Lebih menyedihkan adalah bayi sehingga kanak-kanak berusia 14 tahun juga tidak terkecuali daripada diserang kanser, dengan majoritinya dikesan menghidap leukemia dan kanser sistem saraf tunjang,

manakala kanser limfoma paling banyak dikesan dalam kalangan remaja berusia 15 hingga 24 tahun.

Apa yang membimbangkan adalah sebanyak 63.7 peratus daripada keseluruhan kes kanser di negara ini dikesan pada tahap lewat (tahap tiga dan empat), sekali gus menyumbang kepada kemampuan pesakit untuk sembuh.

Peningkatan kes kanser tahap tiga dan empat yang lewat dikesan di negara ini antara lain berpunca akibat kegagalan orang ramai melakukan saringan awal kesihatan kerana kesedaran yang rendah, sekali gus menyebabkan angka kematian kanser terus meningkat.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula memaklumkan satu pertiga daripada kematian akibat kanser dikaitkan dengan pengambilan tembakau (termasuk merokok), berat badan berlebihan, pengambilan alkohol secara berlebihan, kurang pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan, serta tidak aktif secara fizikal.

Pengambilan tembakau juga adalah faktor risiko utama penyebab kanser dan menyumbang kepada 22 peratus kes kematian.

Oleh itu, kesedaran masyarakat untuk menjalani saringan dan rawatan awal amat penting dalam usaha menangani peningkatan pesakit kanser dan kematian akibat penyakit kronik ini, selaras hasil kajian '*Malaysian Study on Cancer Survival*' yang menunjukkan semakin lewat kanser dikesan, semakin rendah kadar survival pesakit.

Menyedari ancaman penyakit kanser yang semakin membimbangkan, FGV turut sama memainkan peranan dengan mengadakan pelbagai inisiatif pada setiap tahun termasuklah seminar kesihatan, larian, saringan kesihatan percuma, pemeriksaan payudara serta aktiviti-aktiviti lain bagi membantu mengurangkan risiko peningkatan kes kanser dalam kalangan warga FGV.

Selain itu, FGV juga menggalakkan kesemua kakitangan FGV untuk melakukan saringan secara berkala dan pemeriksaan yang lebih mendalam dan terperinci di fasiliti kesihatan agar pengesanan awal dapat dilakukan sekaligus mencegah peningkatan kes kanser tahap tiga dan empat dalam kalangan warga FGV.

RESIPI PILIHAN



Cara-Cara Penyediaan:

1. Tuangkan gula merah dan air ke dalam mangkuk. Gaul adunan hingga sebat.
2. Letakkan campuran air gula merah tadi ke dalam kuali. Letakkan garam 2 sudu kecil.
3. Buka api dan didihkan adunan sehingga ia pekat.
4. Selepas itu, tuangkan 4 senduk (guna senduk sup) air gula merah tadi ke dalam mangkuk dan tambah tepung beras, serbuk pelaga dan bijan.
5. Guna spatula untuk gaul kerana doh agak panas.
6. Calitkan sedikit minyak ghee di mangkuk dan tuangkan doh ke dalam dan biarkan semalaman.
7. Setelah itu, letakkan adunan di atas plastik wrap lut sinar dan cetak menggunakan acuan donut kemudian goreng hingga keemasan.

Selamat mencuba!

TAHNIAH PEMENANG

JAWAB & MENANG

JAWAPAN:

MELINTANG

4. Gula apakah yang mempunyai tekstur paling halus? **AISING**
6. Antara jenis santan keluaran saji ialah Santan Kelapa, Krim Kelapa dan Santan kelapa **LIGHT**
8. Nama makanan kucing keluaran ALMA ialah **PURRRFECT**
9. Taste of Freshness' merupakan slogan bagi produk **BRIGHT COW**

MENEGAK

1. Di manakah ladang tenusu Bright Cow? **LINGGI**
2. Nenas MD2 keluaran Ladang'57 dapat menghasilkan **JUS** nenas.
3. Pembuatan kek dan roti sesuai menggunakan gula **KASTOR**
5. Gula Stevia keluaran MSM dinamakan sebagai **GoNatura**
7. **KEFIR** merupakan minuman yang membantu kelancaran penghadaman.
8. Ladang'57 menghasilkan buah-buahan seperti nenas, jagung, mangga, kentang dan **PISANG**

PEMENANG:

Mustafa Saleh
FGVAS-Stesen Sabah

Yaslam Mohammad Salleh
FGV Holdings

Mohd Sharil Abdul Hamid
FGV Holdings

Norzaida Jamal
FGV Holdings

Haryanti Binti Jasmi
FGV Holdings


Para pemenang akan dihubungi oleh
Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan



PERADUAN TEKA EMOJI SIMPULAN BAHASA

Teka Emoji Simpuln Bahasa Dan Hanya 5 Orang Yang
Menjawab Dengan Tepat Dan Pantas Berpeluang
Memenangi Hadiah Menarik!

**Jom Asah
Minda Anda!**




+





+





+





+





+





+





+





+





+





+



Hantarkan jawapan anda ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com
sebelum 30 November 2022.